

**PERBANDINGAN PEMIKIRAN, PERJUANGAN
DAN SUMBANGAN MAHATMA GANDHI DAN
TUN V.T. SAMBANTHAN**

GANGATHRAN A/L CHANDRAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**PERBANDINGAN PEMIKIRAN, PERJUANGAN
DAN SUMBANGAN MAHATMA GANDHI DAN
TUN V.T. SAMBANTHAN**

oleh

GANGATHRAN A/L CHANDRAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

September 2021

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya menzahirkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada tuhan kerana memberkati saya sepanjang penulisan tesis Ijazah Sarjana ini. Melalui ruangan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr Mohamad Muzammil Mohamad Noor selaku penyelia utama. Beliau sentiasa memberikan nasihat, teguran dan didikan yang menjadi inspirasi kepada saya sepanjang menyiapkan penulisan akademik ini. Begitu juga, Dr Ku Boon Dar selaku penyelia kedua yang memberikan sokongan, dorongan dan bimbingan kepada saya.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak pentadbiran Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dan Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia (USM) atas kemudahan yang disediakan sehingga saya berjaya menghabiskan penulisan ini dengan jayanya. Di sini, saya juga merakamkan penghargaan kepada Perpustakaan Hamzah Sendut USM dan Arkib Negara, Kuala Lumpur atas penyediaan bahan-bahan ilmiah dan fail-fail kerajaan.

Sekalung penghargaan kepada keluarga Toh Puan Umasundari Sambanthan yang membenarkan saya menemuramah mereka untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tesis. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu memberikan sokongan dan dorongan kepada saya.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu yang tersayang Puan Puspavathi Ramayah yang banyak memberi motivasi kepada saya. Doa dan restu ibu mengiringi saya untuk mencapai impian yang menggunung tinggi. Tanpa ibu, saya mungkin tidak boleh sampai ke tahap ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBAR	v
SENARAI SINGKATAN	vi
SENARAI LAMPIRAN	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Objektif Kajian.....	4
1.3 Skop Kajian.....	5
1.4 Persoalan Kajian.....	5
1.5 Kaedah Kajian.....	6
1.6 Sorotan Kajian.....	9
1.7 Pembahagian Bab.....	22

BAB 2 LATAR BELAKANG

2.1 Pengenalan	24
2.2 Mahatma Gandhi.....	25
2.2.1 Kelahiran dan Asal Usul Keluarga.....	25
2.2.2 Pendidikan.....	28
2.2.3 Perkahwinan.....	30
2.2.4 Kerjaya	32
2.2.5 Kegiatan Awal Sebelum Terlibat dalam Politik.....	34
2.3 Tun V.T. Sambanthan	41
2.3.1 Kelahiran dan Asal Usul Keluarga.....	41
2.3.2 Pendidikan.....	44
2.3.3 Perkahwinan.....	46
2.3.4 Kerjaya	47
2.3.5 Kegiatan Awal Sebelum Terlibat Dalam Politik.....	49
2.4 Kesimpulan	52

BAB 3 PEMIKIRAN

3.1 Pengenalan	53
3.2 Pemikiran Politik.....	54
3.3 Pemikiran Ekonomi.....	63
3.4 Pemikiran Agama.....	72
3.5 Pemikiran Pendidikan	79
3.6 Kesimpulan	88

BAB 4 PERJUANGAN

4.1 Pengenalan	90
4.2 Nasionalisme	91
4.3 Perjuangan Melalui Parti Politik.....	101
4.4 Kemerdekaan.....	112
4.5 Kesimpulan	124

BAB 5 SUMBANGAN

5.1 Pengenalan	126
5.2 Pembela Masyarakat	127
5.3 Pembangunan Wanita.....	137
5.4 Penulisan dan Penerbitan Akhbar dan Majalah	150
5.5 Kesimpulan	157

BAB 6 PENUTUP.....

BIBLIOGRAFI.....	174
-------------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI GAMBAR

Gambar 1 Mahatma Gandhi

Gambar 2 Tun V.T. Sambanthan

SENARAI SINGKATAN

ACWW	Associated Country Women of The World
BCG	Bacillus Calmette Gurrain
DUN	Dewan Undangan Negeri
INC	Indian National Congress (Kongress Kebangsaan India)
IPS	Institute of Postgraduate Studies (Institut Pengajian Siswazah)
MIC	Malayan Indian Congress
MCA	Malayan Chinese Congress
NLFCS	National Land Finance Co-operative Society
PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah
PUIC	Perak United Indian Council
SILF	South Indian Labour Fund
UMNO	United Malays National Organization (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
WI	National Association of Women's Institutes

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Surat S.D Lingam (Penyelia NLFCS) bertarikh 9 September 1960.
- Lampiran 2 Surat S.D Lingam bertarikh 2 November 1960.
- Lampiran 3 *Brief Note On The Malaysian Indian Congress.*
- Lampiran 4 Surat D.E Solomon (Pegawai Kanan Jabatan Kemajuan Kerjasama, Taiping) bertarikh 7 Ogos 1961.
- Lampiran 5 *Reports and Accounts NLFCS (1967-1968).*
- Lampiran 6 Laporan Penyata dan Kira-kira NLFCS (1974-1976).
- Lampiran 7 Laporan Penyata dan Kira-kira NLFCS (1969).
- Lampiran 8 Majalah Koottravu Mac / April 1976.
- Lampiran 9 Majalah Koottravu Disember 1978.

**PERBANDINGAN PEMIKIRAN, PERJUANGAN DAN SUMBANGAN
MAHATMA GANDHI DAN TUN V.T. SAMBANTHAN**

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan perbandingan pemikiran, perjuangan dan sumbangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan. Mereka merupakan nasionalis dan ahli politik dari negara India dan Tanah Melayu. Objektif kajian ini untuk menjelaskan bentuk pemikiran dan perjuangan Gandhi dan Sambanthan semasa memperjuangkan hak masyarakat dan kemerdekaan negara masing-masing. Selain itu, kajian ini juga menganalisis persamaan dan perbezaan pemikiran dan perjuangan mereka. Seterusnya, mengenal pasti sejauh mana masyarakat menerima idea-idea mereka dan sumbangan terhadap bangsa dan negara. Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan penulisan ini ialah tinjauan bahan-bahan arkib, kaedah kepustakaan, temubual dan sumber internet. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa pemikiran mereka ditransformasikan kepada perjuangan yang telah membawa kepada kemerdekaan dan kemajuan bangsa. Perjuangan Gandhi lebih menonjol sebelum kemerdekaan India tetapi perjuangan Sambanthan mencapai kemuncaknya selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Gandhi berjuang untuk semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan kasta tetapi perjuangan Sambanthan lebih khusus kepada masyarakat India Tanah Melayu. Melalui kajian ini juga didapati kebanyakan penulisan mengenai Sambanthan hanya menyebut sepintas lalu bahawa Sambanthan merupakan pengikut setia Gandhi tetapi tidak ada penjelasan lanjut mengenainya. Lantaran itu, penulisan ini memperincikan hubungan antara mereka dan terbukti pemikiran, perjuangan dan sumbangan mereka boleh dibandingkan.

THE COMPARATIVE THOUGHTS, STRUGGLES AND CONTRIBUTIONS OF MAHATMA GANDHI AND TUN V.T. SAMBANTHAN

ABSTRACT

This writing discusses the comparison of thoughts, struggles and contributions of Mahatma Gandhi and Tun V.T. Sambanthan. They were both nationalists and politicians from India and Malaya. The objective of this research is to explain the thoughts and struggles of Gandhi and Sambanthan while fighting for the rights of the society and the independence of their respective countries. Moreover, this research also analyzed the similarities and differences in their thoughts and struggles. Besides that, it identified the extent to which the community accept their ideas and contributions to the nation and country. The methods used to produce this writing were survey on archival materials, library sources, interviews, and internet sources. The research findings summarized that their thoughts were transformed into struggles, which led to independence and progress of the nation. Struggles of Gandhi were more prominent before the independence of India, but the struggles of Sambanthan reached its peak after the independence of Malaya. Gandhi struggled for all the people irrespective of race, religion and caste but Sambanthan's struggles were more specific to the Indian community of Malaya. Through this research, it was also identified that most of the writings on Sambanthan only stated briefly that he was a loyal follower of Gandhi but there are no further explanations on it. Hence, this thesis details the relationship between them and proved their thoughts, struggles and contributions can be compared in a meaningful way.

BAB SATU: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan untuk membandingkan pemikiran, perjuangan dan sumbangan Mahatma Gandhi¹ dan Tun V.T. Sambanthan² yang berasal dari dua buah negara yang berlainan iaitu Gandhi dari India dan Sambanthan dari Tanah Melayu. Penulisan ini lebih tertumpu kepada perbandingan pemikiran mereka dari aspek politik, ekonomi, agama dan pendidikan. Selain itu, perbandingan dalam perjuangan nasionalisme, perkembangan parti politik dan kemerdekaan serta sumbangan mereka terhadap pembangunan wanita, masyarakat luar bandar dan aktiviti penulisan dan penerbitan juga dibincangkan. Kedua-dua tokoh ini telah memperjuangkan hak masyarakat dan kemerdekaan negara daripada penjajahan British di negara masing-masing. Mereka mempunyai pemikiran dan perjuangan yang boleh dibandingkan antara satu sama lain iaitu persamaan dan perbezaan dalam tema-tema yang dikemukakan. Misalnya, Gandhi menggunakan idea perpaduan untuk menyatukan masyarakat Hindu dan Islam bagi menuntut kemerdekaan India. Sambanthan juga menggunakan idea perpaduan bagi menyatukan rakyat Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk menuntut kemerdekaan daripada pemerintahan British.

¹ Nama sebenar beliau ialah Mohandas Karamchand Gandhi. Beliau diberikan gelaran “Mahatma” kerana berani, tidak mementingkan diri dan berjuang tanpa keganasan serta sumbangan terhadap kesejahteraan penduduk negara India dan dunia. V. R. Devika and Gideon Arulmani. (2014). *Mahatma Gandhi’s Ideas for Work and Life: Implications for Career Development and Career Guidance*. New York: Springer International, hlm. 2. Sila rujuk maklumat lanjut dalam bab 2.

² Nama sebenar beliau ialah Thirunyana Sambanthan. V.T. Sambanthan diberi gelaran Tun oleh kerajaan Malaysia di atas sumbangan beliau terhadap negara dan bangsa. Arumugam Raman, *Tun V.T. Sambanthan, Pembela Masyarakat India di Malaysia*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, hlm. 2.

Gandhi berjuang untuk memperolehi kemerdekaan negara India daripada empayar British serta menjadi pembela rakyat tanpa mengira latar belakang kasta dan agama. Masyarakat negara India mengamalkan sistem kasta dalam kehidupan mereka. Pengamalan sistem kasta bertujuan memberi penghormatan kepada golongan kasta atasan iaitu *Brahmin* (pendidik), *Ksatriya* (pemerintah), *Vaisya* (peniaga) dan *Sudra* (pekerja). Golongan kasta rendah dikenali sebagai *Adi-dravidas* iaitu golongan yang tidak boleh disentuh.³ Masyarakat kasta rendah sering ditindas dan hak mereka dirampas sehingga menyebabkan mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan. Terdapat segelintir masyarakat kasta rendah yang memeluk agama Islam dan Kristian kerana mahu meningkatkan taraf hidup dan tidak mahu terus ditindas. Sistem kasta telah menghancurkan perpaduan rakyat negara India sehingga menyukarkan golongan nasionalis menuntut kemerdekaan daripada British. Kemunculan Mahatma Gandhi membuka lembaran baru kepada orang-orang berkasta rendah apabila beliau cuba meningkatkan martabat golongan kasta rendah dan menyeru semua penduduk India tanpa mengira kasta dan agama memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Gerakan *Satyagraha* (penentangan tanpa keganasan) merupakan idea yang diketengahkan oleh Gandhi yang berjaya menarik jutaan rakyat daripada semula lapisan masyarakat menyertai beliau menentang dasar-dasar British dan menuntut kemerdekaan. Gerakan *Satyagraha* menggugat kedudukan British sehingga mereka bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada negara India.

³ Mohan Rathakrishnan. (December, 2017). Penghijrahan Buruh India Ke Pulau Pinang: Kajian mengenai Corak Migrasi dan Pengaruh Sosio-Ekonomi Sebelum Tahun 1930. *Jebat : Malaysian Journal of History, Politics and Strategic studies*, (Vol. 44), History, Politics and Securities Research Centre, UKM, hlm. 104.

Sambanthan yang ketika itu melanjutkan pelajaran di Universiti Annamalai terpengaruh dengan ideologi perjuangan tanpa keganasan. Beliau menjadi pengikut setia Gandhi dan mula menyertai gerakan-gerakan menentang British yang dianjurkan oleh Gandhi. Sambanthan menjadi ahli jawatankuasa yang merekrut pelajar-pelajar universiti menyertai Gerakan *Quit India* iaitu menggesa British meninggalkan negara India dan menuntut kemerdekaan dengan segera. Sekembalinya ke Tanah Melayu, penglibatan Sambanthan dalam politik negara India memberikan pengalaman kepadanya untuk memperjuangkan hak masyarakat India di Tanah Melayu yang berada di bawah pemerintahan British.

Seperti di India, sistem kasta turut diamalkan oleh orang-orang India yang datang ke Tanah Melayu semasa penjajahan British untuk bekerja dalam sektor perladangan. Majoriti penduduk yang dibawa masuk terdiri daripada golongan kasta rendah yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan. Pihak British telah membawa masuk golongan Tamil, Telugu, Malayam dan Ceylon. Kumpulan Tamil, Telugu dan Malayam ditempatkan di ladang getah manakala orang-orang Ceylon yang berpendidikan Inggeris dilantik sebagai pembantu perubatan ladang, kerani ladang dan penolong pengurus ladang.⁴ Selanjutnya, etnik *Chitty* yang merupakan golongan pedagang dan etnik *Chettiar* yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh melalui aktiviti pinjaman berfaedah juga dibawa masuk ke Tanah Melayu. Kebanyakan buruh-buruh ladang menghadapi pelbagai masalah sosioekonomi akibat kegagalan British menjaga kebajikan mereka. Sambanthan muncul sebagai penyelamat kepada masyarakat India yang hidup serba

⁴ Arumugam Raman, *Tun V.T. Sambanthan, Pembela Masyarakat India di Malaysia*, hlm. 11.

kekurangan terutamanya buruh-buruh ladang dan bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin kaum lain untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Sehubungan itu, penulisan ini membandingkan peranan mereka yang melibatkan diri dalam politik dan nasionalisme tanah air masing-masing. Walaupun terdapat banyak penulisan dilakukan tentang kedua-dua tokoh ini oleh para sejarawan dari India dan Malaysia namun kebanyakan penulisan mereka lebih tertumpu kepada seorang tokoh sahaja. Secara keseluruhannya, belum ada kajian yang dibuat untuk membandingkan kedua-dua tokoh ini maka penulisan ini akan cuba memaparkan dan menganalisis kegiatan pemikiran, perjuangan dan sumbangan mereka demi kemajuan bangsa dan negara masing-masing secara perbandingan iaitu persamaan dan perbezaan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif penulisan ini ialah untuk;

- 1.2.1 Menjelaskan bentuk pemikiran dan perjuangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan.
- 1.2.2 Menganalisis persamaan dan perbezaan pemikiran dan perjuangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan.
- 1.2.3 Mengenal pasti sejauh mana masyarakat menerima idea-idea yang dibawa oleh kedua-dua tokoh tersebut.
- 1.2.4 Membincangkan sumbangan mereka terhadap bangsa dan negara masing-masing dari aspek pembelaan masyarakat, pembangunan wanita, penulisan dan penerbitan.

1.3 Skop Kajian

Pemikiran dan perjuangan yang diketengahkan oleh Gandhi semasa berjuang menentang British telah mempengaruhi sikap dan pemikiran Sambanthan terhadap penjajahan British. Lantaran itu, penulisan ini akan membincangkan sejauh mana pemikiran dan perjuangan yang diketengahkan Gandhi digunakan oleh Sambanthan untuk membantu masyarakat India dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Penulisan ini juga memfokuskan perbandingan pemikiran antara mereka yang meliputi aspek politik, ekonomi, agama dan pendidikan. Seterusnya, perbandingan perjuangan pula meliputi nasionalisme, parti politik, dan kemerdekaan. bandar. Dari segi sumbangan pula, perbandingan dilakukan dari aspek membantu masyarakat luar, pembangunan wanita dan penulisan dan penerbitan akhbar serta majalah.

1.4 Persoalan Kajian

Bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu ‘Perbandingan Pemikiran, Perjuangan dan sumbangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan’, persoalan utama yang akan dibincangkan adalah seperti berikut;

- 1.4.1 Apakah corak pemikiran dan perjuangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan?
- 1.4.2 Apakah persamaan dan perbezaan pemikiran dan perjuangan yang ada di antara kedua-dua tokoh tersebut?
- 1.4.3 Sejauh manakah masyarakat menerima idea-idea yang diketengahkan oleh Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan?

1.4.4 Apakah sumbangan mereka terhadap kemajuan bangsa dan kemerdekaan negara dari aspek pembelaan masyarakat, pembangunan wanita, penulisan dan penerbitan?

1.5 Kaedah Kajian

Penulisan ilmiah ini menggunakan kaedah autobiografi dari perspektif komparatif atau perbandingan pemikiran, perjuangan dan sumbangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan. Bertepatan dengan tajuk tesis iaitu sejarah perbandingan maka pendekatan historis digunakan untuk mengenal pasti riwayat hidup, tahun, tempat, pemikiran, perjuangan dan sumbangan kedua-dua tokoh ini. Penulisan ini juga menggunakan kaedah penyusunan mengikut topik atau tematik yang lazimnya digunakan dalam penelitian sejarah termasuklah sejarah perbandingan untuk membandingkan persamaan dan perbezaan yang ada antara mereka. Kaedah tematik sesuai digunakan kerana dapat membincangkan dan menjelaskan persamaan dan perbezaan pemikiran, perjuangan dan sumbangan antara kedua-dua tokoh ini secara lebih teliti.

Penulisan ini menitikberatkan penggunaan sumber pertama. Oleh itu, penghasilan tesis ini dilakukan melalui rujukan rekod-rekod kerajaan, fail-fail parti politik, surat rasmi dan risalah yang diperolehi daripada arkib negara Kuala Lumpur. Surat khabar juga diperolehi daripada koleksi arkib negara seperti akhbar *Berita Harian*, *The Straits Times* dan *Malay Mail*. Kaedah kepustakaan juga digunakan untuk mendapatkan maklumat sumber primer seperti Majalah *Koottravu* yang diperolehi daripada perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM). Sumbangan pihak perpustakaan USM yang menyimpan majalah tersebut harus dihargai kerana ianya merupakan khazanah sejarah tanah air yang bakal mengisi generasi akan datang.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, penulisan tesis ini menggunakan kaedah historis dan tematik untuk membuat perbandingan persamaan dan perbezaan. Oleh itu, sumber sekunder digunakan untuk mendapatkan maklumat yang relevan daripada kaedah kepustakaan melalui rujukan buku, tesis, jurnal dan kertas kerja. Buku-buku berkaitan Gandhi banyak disimpan dalam koleksi perpustakaan USM yang telah memudahkan kerja penghasilan tesis ini. Di samping itu, perpustakaan Universiti Malaya (UM) juga menyimpan buku, tesis, jurnal dan kertas kerja berkaitan kedua-dua tokoh tersebut. Penggunaan sumber sekunder sesuai untuk membuat perbandingan pemikiran dan perjuangan bagi mendapatkan fakta dan maklumat yang lebih relevan dan tepat.

Seterusnya, kaedah temubual juga digunakan untuk menghasilkan penulisan ini. kaedah temubual dipilih kerana ianya merupakan cara yang berkesan untuk mengumpul maklumat secara lisan sebelum dianalisis. Melalui kaedah ini, maklumat diperoleh secara jelas dan mengelakkan salah tafsir serta dapat membuat perbandingan dengan sumber-sumber seperti dokumen rasmi kerajaan, surat khabar dan buku. Temubual yang dibuat dengan ahli keluarga V.T. Sambanthan iaitu isteri dan anaknya telah banyak membantu mendapatkan maklumat mengenai pemikiran dan perjuangan Sambanthan tetapi maklumat yang diberikan hanyalah secara lisan sahaja. Dalam sesi temubual ini, keluarga Sambanthan turut memberikan beberapa buah majalah *Koottravu* yang diterbitkan sekitar tahun 1960-1970 dan berkongsi maklumat mengenai penglibatan Sambanthan dalam penerbitan akhbar Malayan Times dan Malai Naadu tetapi tidak ada maklumat khusus yang diberikan mengenai kedua-dua akhbar ini. Temubual juga dilakukan dengan V. Thannimalai (Bekas Presiden Persatuan Mahatma Gandhi, Kedah) dan K.M. Nambiar (Setiausaha Persatuan Mahatma Gandhi, Kedah) untuk mendapatkan maklumat mengenai

Gandhi. Temubual dengan keluarga Gandhi tidak dilakukan kerana maklumat-maklumat yang diperoleh daripada fail-fail kerajaan India, buku, jurnal, dan laman sesawang mencukupi untuk melaksanakan penulisan sejarah perbandingan ini.

Sumber internet yang meliputi laman sesawang rasmi kerajaan India, Malaysia dan Singapura digunakan sebagai rujukan tambahan untuk menghasilkan penulisan ini. Laman sesawang www.gandhiorganization.com yang merupakan laman rasmi Persatuan Gandhi India diakses untuk mendapatkan maklumat mengenai Mahatma Gandhi dari aspek pemikiran, perjuangan dan sumbangan beliau. Bahan yang diperoleh daripada laman sesawang ini ialah surat khabar *Harijan*, *Indian Opinion*, *Young India* dan *Navajivan* yang diterbitkan oleh Gandhi sendiri. Di samping itu, artikel dan jurnal yang berkaitan dengan tesis ini juga diperoleh daripada laman sesawang tersebut. Seterusnya, laman sesawang www.abhilekh-patal.in turut dilayari bagi mendapatkan fail-fail kerajaan India di bawah Kementerian dalam Negeri. Selanjutnya, laman sesawang kerajaan Malaysia iaitu www.parlimen.gov.my/handsard-dewan-rakyat digunakan untuk mendapatkan maklumat perbahasan Sambanthan di Dewan Rakyat. Laman tamizharmedia.com juga diakses untuk mendapatkan informasi tambahan mengenai Tun V.T. Sambanthan. Akhir sekali laman sesawang <https://eresources.nlb.gov.sg/newspaper> merupakan laman rasmi yang dimiliki kerajaan Singapura turut dilayari bagi mendapatkan maklumat daripada surat khabar *Berita Harian*, *Berita minggu*, *India Daily Mail*, *Malaya Tribune*, *Morning Tribune*, *Syonan Shimbun*, *The Singapore Free Press* dan *News Straits Times*. Penggunaan sumber internet banyak membantu mendapatkan informasi kerana maklumat diperolehi tanpa had dan menjimatkan masa.

1.6 Sorotan kajian

Penulisan perbandingan pemikiran, perjuangan dan sumbangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan belum lagi dilakukan oleh mana-mana penulis. Kebanyakan penulisan yang dihasilkan hanya melibatkan kajian secara akademik atau bacaan umum yang ditulis secara berasingan malah penulisan tentang Tun V.T. Sambanthan tidaklah begitu banyak jika dibandingkan dengan Mahatma Gandhi. Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah mengenai perbandingan antara dua tokoh yang berasal daripada negara yang berbeza serta berjasa kepada bangsa dan negara masing-masing. Lantaran itu, penulisan yang telah dihasilkan sebelum ini perlu diteliti untuk mendapatkan maklumat agar dapat membuat perbandingan di antara kedua-dua mereka.

Buku yang ditulis oleh Michael Nicholson, '*Mahatma Gandhi, Insan yang membebaskan India dan memulakan tindakan tanpa kekerasan*' telah membincangkan perjuangan Gandhi membela hak masyarakat kulit hitam di Afrika Selatan dan perjuangan menuntut kemerdekaan India.⁵ Buku ini juga membincangkan dasar-dasar yang diperkenalkan British yang telah menekankan kehidupan penduduk dan bagaimana Gandhi menentang dasar-dasar tersebut. Contohnya, Gandhi mengadakan mogok awam untuk menentang undang-undang yang tidak adil. Mogok yang dilancarkan telah mendapat sokongan daripada orang ramai sehingga rusuhan tercetus dengan pihak berkuasa. Sebagai bantahan terhadap rusuhan, Gandhi berpuasa selama 72 jam dan menyeru orang ramai berpuasa selama 24 jam.⁶ Di samping itu juga, buku ini menjelaskan latar belakang pendidikan dan perkahwinan beliau.

⁵ Michael Nicholson. (1997). *Mahatma Gandhi, Insan yang membebaskan India dan memulakan tindakan tanpa kekerasan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, hlm. 27.

⁶ *Ibid.*

Seterusnya, buku yang ditulis oleh Md Afandi Awang, '*Komunalisme, Kesannya ke atas Peradaban India*' telah membandingkan pemikiran komunalisme⁷ antara Sir Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi. Buku ini mengandungi konsep komunalisme, ringkasan latar belakang Sir Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi, pemikiran Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi mengenai komunalisme di India, komunalisme dan kesannya ke atas peradaban India. Perbandingan pemikiran komunalisme merupakan agenda utama penulis yang membincangkan sebab-sebab berlakunya komunalisme dan peranan kedua-dua tokoh tersebut dalam menangani ancaman komunalisme untuk menyatukan dua kaum terbesar negara India iaitu masyarakat Islam dan Hindu demi kemajuan negara dan bangsa.

Selanjutnya, buku '*An Autobiography or The Story of My Experiments with Truth*' yang ditulis M.K. Gandhi merupakan asas penulisan tesis ini untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang dan peristiwa-peristiwa yang dilaluinya serta cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kehidupan beliau.⁸ Buku ini yang ditulis ketika Gandhi berada dipenjara telah menjadi nadi kepada sejarawan untuk merungkai pemikiran dan perjuangan beliau dalam membela hak masyarakat dan menuntut kemerdekaan. Karya ini telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh G. Soosai iaitu '*Bahana Kesetiaan Teruji*' dan Andi Tenri.W dalam bahasa Indonesia iaitu '*Mahatma Gandhi sebuah Autobiografi, Kisah tentang Eksperimen-eksperimen Saya Terhadap Kebenaran*'.⁹ Biografi ini telah menjelaskan idea *Satyagraha*, *Khadi*, Gerakan Khilafat, penerbitan surat khabar

⁷ "Satu prinsip organisasi politik berdasarkan persekutuan masyarakat", atau "amalan hidup bersama secara bermasyarakat", atau "kesetiaan terhadap kumpulan etnik sendiri lebih besar daripada masyarakat lain". Md. Afandi Awang. (2006). *Komunalisme: Kesannya ke atas Peradaban India*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 48.

⁸ M.K. Gandhi. (1927). *An Autobiography Or The Story of My Experiments With Truth*. Ahmedabad: Navajivan Publishing House.

⁹ G. Soosai. (1984). *Bahana Kesetiaan Teruji*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Navajivan dan *Young India*, Undang-undang Rowlatt dan penubuhan *Ashram*.¹⁰ Tuntasnya, buku ini telah membolehkan penulis mengenal pasti corak pemikiran dan perjuangan Gandhi yang menjadi tunjang kepada penghasilan tesis ini dan ianya boleh digunakan sebagai sumber primer kerana dihasilkan oleh Gandhi sendiri.

Seterusnya, ‘*The Selected Works of Mahatma Gandhi Vol.5, The Voice of Truth*’ yang diterbitkan oleh Navajivan Trust telah mengumpulkan koleksi ucapan dan penulisan Gandhi. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama mengandungi ucapan-ucapan yang membangkitkan semangat rakyat seperti ucapan Meja Bulat di London, Gerakan *Quit India* dan ucapan perasmian *Benares Hindu University*.¹¹ Bahagian kedua pula merupakan koleksi pemikiran Gandhi dari aspek politik, sosial, ekonomi, pendidikan, agama, sains, sastera dan budaya. Buku ini yang diterbitkan pada tahun 1968 mengandungi 478 muka surat merupakan susunan daripada *An Autobiography* yang banyak membantu untuk mendapatkan maklumat mengenai pemikiran Gandhi.

Sementara itu, Nirmal Kumar Bose dalam bukunya ‘*Studies in Gandhism*’ telah membicarakan secara mendalam mengenai ekonomi tanpa keganasan, kemerdekaan, dan penglibatan Gandhi dalam politik India. Buku ini turut membincangkan secara khusus Gerakan *Satyagraha* yang dirangka untuk menentang dasar-dasar ketidakadilan penjajah British. Seperti buku *An Autobiography*, tulisan ini juga memberikan tumpuan khusus kepada pemikiran dan perjuangan Gandhi terhadap kemajuan bangsa dan negara. Nirmal Kumar Bose juga menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Gandhi untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan penduduk India yang terdiri daripada pelbagai

¹⁰ M.K. Gandhi. (2009). Andi Tenri.W. (terj.). *Mahatma Gandhi sebuah Autobiografi: Kisah tentang eksperimen-eksperimen saya terhadap kebenaran*. Jakarta: Penerbit Nurasi, hlm. Xvi.

¹¹ M.K. Gandhi. (1968). *The selected works of Mahatma Gandhi, Vol. V: The voice of truth*. Ahmedabad: Navajivan Publishing House.

agama. Beliau bertindak bekerjasama dengan masyarakat Islam dalam Gerakan Khilafat yang merupakan langkah terbesar yang tidak pernah diusahakan sebelum itu yang berjaya memberikan impak terhadap penyatuan dua kaum terbesar tersebut.

Selain itu, dalam buku yang berjudul '*Evolution of The Political Philosophy of Gandhi*' yang ditulis oleh Buddhadeva Bhattacharyya pula membincangkan idea sosial, ekonomi dan politik serta latar belakang falsafah pemikiran Gandhi.¹² Buku ini ditulis secara tersusun dan kandungannya membantu mengesan perkembangan idea yang dibawa oleh Gandhi. Karya ini mengandungi sepuluh bab secara keseluruhannya dan bab lapan, sembilan dan sepuluh dijadikan rujukan untuk menghasilkan tesis ini. Bab lapan membincangkan pemikiran ekonomi, diikuti bab sembilan menjelaskan idea *Satyagraha* secara mendalam dan bab sepuluh menerangkan pemikiran dan perjuangan politik Gandhi seperti nasionalisme, demokrasi dan kemerdekaan. Nirmal Kumar Bose yang menulis kata penghantar buku ini, tidak bersetuju dengan Buddhadeva kerana terlalu mengagungkan pembaharuan sosial yang dilakukan oleh Gandhi secara individu dan meremehkan teknik penentangan tanpa keganasan beliau bersama-sama dengan penduduk India semasa gerakan pembaharuan.¹³

Pushpa Joshi dalam bukunya '*Gandhi On Women*' mengetengahkan peranan dan sumbangan Gandhi terhadap pembangunan wanita. Buku ini yang hanya memfokuskan wanita mengandungi 385 muka surat telah membincangkan peranan yang dimainkan oleh Gandhi dalam kemajuan wanita seperti pendidikan, ekonomi, politik, nasionalisme,

¹² Buddhadeva Bhattacharyya. (1969). *Evolution of The Political Philosophy of Gandhi*. Calcutta: Calcutta Book House, hlm. Foreword.

¹³ Menurut Nirmal Kumar Bose, "At some points, I have found myself in disagreement with him. My feeling has been that he has emphasized Gandhiji's role as an individual social reformer to a greater extent than justified. Consequently, he has slightly underrated Gandhiji's technique of mass-action in which he worked with common people and organized them for non-violent resistance". *Ibid*.

perkahwinan, dan juga mengandungi koleksi ucapan Gandhi kepada wanita. Peranan wanita dalam kemerdekaan negara juga turut dimuatkan dalam buku ini. Dalam hal ini, Puspa Joshi menyatakan bahawa;

*“He was a super strategist, and his strategy to fight for freedom could not ignore women. He had more faith in his women soldiers than the man soldiers because he really considered women to be superior to men particularly when the weapons in the struggle were love and non-violence. He believed women to be stronger because their hearts contained as mothers, qualities of love and peace. No other public leader has ever put such positive confidence in the women of the country. He realized a very strong need for support and participation from women in creating a society based on justice”.*¹⁴

Di samping itu, buku ini turut membincangkan masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dalam keluarga, masyarakat dan negara. Gandhi telah memberikan jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan memberikan penghormatan khusus kepada kaum wanita kerana pengorbanan mereka terhadap keluarga, bangsa dan negara.

Buku *‘In Search Of Gandhi, Essays and Reflections’* yang ditulis oleh B.R Nanda dibahagikan kepada tiga bahagian yang mengandungi 29 tajuk kecil membincangkan kehidupan awal, keperibadian, pemikiran, kehidupan awam, hubungan dengan rakan sekerja dan British.¹⁵ Dalam buku ini, bahagian yang berkaitan ialah perjuangan kemerdekaan yang diterajui oleh Gandhi seperti *The Dandi March* (Gerakan Garam) dan *Quit India Movement* diikuti perjuangan tanpa keganasan. Dalam isu Gerakan Garam penulis telah membincangkan kronologi peristiwa Garam. Penulis juga membincangkan tindakan-tindakan yang diambil oleh Gandhi untuk menjayakan Gerakan Garam dan

¹⁴ Puspa Joshi. (1988). *Gandhi on women (Collections of Mahatma Gandhi’s Writings and Speeches on Women)*. Ahmedabad: Navajivan Publishing House, hlm. iii.

¹⁵ B.R. Nanda. (2002). *In Search Of Gandhi: Essays and Reflections*. New Dehli: Oxford University Press, hlm. Preface.

tindakan yang diambil oleh kerajaan British serta pandangan dan pendapat yang dilontarkan oleh pegawai-pegawai atasan British mengenai gerakan tersebut. Gandhi telah melancarkan ketidakpatuhan awam bagi menentang pengenalan cukai garam yang disertai ribuan masyarakat yang terdiri daripada kaum lelaki dan wanita daripada pelbagai lapisan bangsa. British menganggap Gerakan Garam tidak akan menggugat pentadbiran mereka malah percaya ianya akan menemui kegagalan. Buktinya B.R Nanda menyatakan bahawa;

*“Tottenham, a member of Central Board Revenue, described the breach of salt laws as Mr. Gandhi’s somewhat fantastic project. A committee of senior officers reported that the salt did not appear to be a promising field for initiating a no-tax campaign; that the most that could happen was the small quantities of inferior salt would be sporadically produced in some areas and consumed locally; that neither the government revenues nor the price of salt were likely to be affected”.*¹⁶

Pandangan yang dilontarkan oleh pegawai-pegawai British terbukti merosot apabila Gerakan Garam yang dimulakan Gandhi disertai oleh beribu-ribu penduduk India sehingga British terpaksa menangkap Gandhi dan penduduk yang terlibat dalam gerakan tersebut.

Buku ‘*The Quit India Movement*’ yang ditulis oleh P.N. Chopra merupakan hasil kajian mengenai keseluruhan Gerakan *Quit India* yang dirangka oleh Gandhi. Penulis telah menulis buku ini berdasarkan laporan risikan British, surat yang dipintas, soal siasat, maklumat yang diperolehi daripada peserta-peserta yang terlibat dalam gerakan ini dan koleksi bahan-bahan yang diterbitkan mahupun tidak diterbitkan.¹⁷ P.N Chopra juga menggunakan *Laporan Wickenden* untuk menerangkan Gerakan *Quit India* yang

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 79.

¹⁷ P.N Chopra. (1976). *Quit India Movement, British Secret Report*. New Dehli: Thomson Press Limited, hlm. Preface.

dianggap pemberontakan paling serius dalam sejarah India.¹⁸ Penulis menerangkan keadaan yang berlaku dalam gerakan tersebut seperti berikut;

*“it was spread over almost all the provinces from the Himalayas to Cap Comorin. The violent upsurge of the masses and their readiness to sacrifice everything for the emancipation of the motherland showed their grim determination to throw off the foreign yoke. It warned the British that they were not wanted in India and that “their belief that any section of Indian people, the Muslims, the depressed classes or the state people favoured continuance of their rule was a delusion”. The complete breakdown of law and order in many parts of the country and the setting up of parallel independent government by the people made them realize that they could not hold their sway over India for long...The violent mass upsurge of 1942, the enthusiastic response of the people from one end of the country to the other, many instances of individual and collective heroism and bravery in the face of heavy odds and their untold sufferings and sacrifices hastened the British decision to Quit India. Gandhi had after all succeeded in convincing the British that they were not morally justified in keeping India under bondage and that had to quit”.*¹⁹

Buku ini yang mengandungi 407 muka surat membantu penulisan tesis ini dalam mengenalpasti tujuan Gerakan *Quit India*, penglibatan Gandhi menerusi perjuangan tanpa keganasan, tindakan yang diambil oleh pihak British. Penulis telah menunjukkan bukti-bukti rahsia (*secret evidence*) seperti surat dan ucapan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin gerakan ini untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai gerakan tersebut.

‘*The Essential Gandhi, An Anthology*’ yang ditulis oleh Louis Fisher merupakan hasil karya yang membincangkan perjuangan Mahatma Gandhi menentang British di India.²⁰

Buku ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian pertama menjelaskan latar belakang, kelahiran *Satyagraha* dan kejayaan yang dicapai semasa perjuangan Gandhi di Afrika Selatan. Bahagian kedua yang menjadi rujukan untuk menghasilkan penulisan tesis ini ialah pemikiran Gandhi dari aspek *Quit India Movement*. Penulis tidak membincangkan

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 1.

²⁰ Louis Fisher. (1962). *The Essential Gandhi, His life, Work, and Ideas*. New York: Vintage Books A Division of Random House.

peristiwa Gerakan *Quit India* secara terperinci seperti yang dibincangkan oleh P.N. Chopra dengan menggunakan bukti-bukti yang kukuh seperti laporan risikan, surat dan ucapan sebaliknya penulis hanya menerangkan pemikiran Gandhi dan penglibatan *Indian National Congress* (INC) atau Kongres Kebangsaan India dalam gerakan tersebut.

Sementara itu, buku '*Gandhi In Indian Politics*' yang ditulis Nirmal Kumar Bose dan P.H Patwardhan membincangkan pemikiran Gandhi dalam aspek politik. *The Political Philosophy of Gandhi* yang merupakan kandungan bab dua dalam buku ini digunakan sebagai rujukan untuk mendapatkan maklumat secara khusus mengenai pemikiran politik beliau. Menurut penulis, Gandhi mula membina idea politiknya ketika memperjuangkan hak masyarakat kulit hitam di Afrika Selatan dan mengembangkan idea-idea politik dalam skala yang besar selepas kembali ke India.²¹ Perjuangan tanpa keganasan merupakan ideologi Gandhi untuk memperoleh kemerdekaan negara. Lantaran itu, beliau menyeru rakyat agar tidak terlibat dalam sebarang bentuk keganasan semasa menuntut kemerdekaan. Menurut penulis; "*that war would never bring power to the masses and therefore his intention in India was to devise an instrument by means of which the common people could gain power and build up a new life in freedom*".²²

Dalam buku ini, penulis telah menerangkan sepintas lalu corak pemikiran Gandhi semasa menuntut kemerdekaan India.

R. Suntharalingam dalam penulisannya yang bertajuk '*Pergerakan Nasionalisme di Benua Kecil India; Satu Tinjauan Sejarah*', memaparkan pergerakan nasionalisme dari titik permulaannya sehingga pengisytiharan kemerdekaan negara India dan Pakistan pada

²¹ Nirmal Kumar Bose and P.H Patwardhan. (1967). *Gandhi In Indian Politics*. Bombay: Lalvani Publishing House, hlm. 16.

²² *Ibid.*, hlm. 19.

tahun 1947.²³ Penulisannya lebih terarah kepada perkembangan nasionalisme yang berlaku di negara India dan penglibatan Gandhi dalam kegiatan nasionalisme. Penulisan ini mempunyai tema-tema tertentu seperti asal-usul pergerakan nasionalisme India, kebangkitan Kongres Kebangsaan India 1885-1920, tindak balas kaum Muslim terhadap pergerakan nasionalisme, Gandhi dan gerakan tidak bekerjasama, pertelingkahan ideologi dalam kongres 1929-1939 dan kemerdekaan dan pembahagian benua kecil India. Penulisan ini tidak membincangkan pemikiran dan perjuangan Gandhi secara khusus dalam aspek ekonomi, sosial mahupun politik seperti yang ditulis oleh Nirmal Kumar Bose, Louis Fisher dan Buddhadeva Bhattacharyya. Lantaran itu, penulisan R. Sunthralingam ini sesuai digunakan untuk mengkaji rentetan kegiatan dan perjuangan nasionalisme yang dipimpin oleh Gandhi secara individu dan melalui parti politik.

Berbanding dengan Gandhi, penulisan mengenai Sambanthan kurang dihasilkan oleh para sejarawan. Biografi '*Tun V.T. Sambanthan, Pemimpin Berjiwa Malaysia*' yang ditulis oleh Ummadevi Suppiah berlandaskan sumber primer dijadikan sebagai rujukan utama untuk merungkai corak pemikiran dan perjuangan Sambanthan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial dan sumbangan beliau terhadap kemajuan masyarakat India, kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia. Buku ini mengandungi sepuluh bab yang menyentuh sejarah kedatangan dan kegiatan politik orang India di Tanah Melayu, latar belakang Sambanthan, sumbangan ke arah pembinaan negara yang baharu mencapai kemerdekaan, peranan dalam meningkatkan kedudukan sosioekonomi dan politik orang India, pengasas dan penggerak *National Land Finance Co-operative Society* (NLFCS), peranan Sambanthan sebagai wakil orang India dalam kabinet sebagai Menteri

²³ R. Suntharalingam. (1984). *Pergerakan Nasionalisme Di Benua Kecil India: Satu Tinjauan Sejarah*. Universiti Sains Malaysia: Perpustakaan Hamzah Sendut, hlm. vi.

Buruh, Menteri Kesihatan, Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi dan Menteri Perpaduan serta kemerosotan pengaruh Sambanthan dalam MIC (*Malaysian Indian Congress*).²⁴ Penulisan ini turut membincangkan semangat nasionalisme yang ada pada diri Sambanthan. Di samping itu, penulisan Ummadevi tidak menonjolkan sumbangan Sambanthan terhadap pembangunan wanita. Secara keseluruhannya, kandungan buku ini memaparkan pencapaian dan sumbangan Sambanthan ke arah meningkatkan sosioekonomi dan politik masyarakat India di Malaysia.

Dalam pada itu, Arumugam Raman menulis sebuah buku yang bertajuk '*Tun V.T. Sambanthan, Pembela Masyarakat India di Malaysia*'. Seperti mana Ummadevi, penulisan Arumugam turut memaparkan sejarah biografi Sambanthan. Penulis mengakui buku ini tidak akan terhasil jika tiadanya bantuan daripada Ummadevi kerana banyak membantu memberikan maklumat tentang Sambanthan dan kebanyakan fakta dalam buku ini hampir sama dengan buku beliau.²⁵ Buku ini masih mengekalkan isu yang sama seperti buku yang ditulis oleh Ummadevi. Penulisan Arumugam Raman, mendokumenkan Sambanthan sebagai tokoh sejarah politik Malaysia.

Rajeswary Ampalavanar dalam penulisannya '*The Indian Minority and Political Change In Malaya 1945-1957*' membincangkan perkembangan dan pembaharuan politik masyarakat India dari era penjajahan sehingga kemerdekaan dari tahun 1945-1957.²⁶ Penulisan akademik ini memaparkan perjuangan MIC dalam menuntut hak masyarakat India, penglibatan dalam Parti Perikatan dan membincangkan krisis dalaman yang berlaku

²⁴ Ummadevi Suppiah. (2004). *Tun V.T. Sambanthan Pemimpin Berjiwa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

²⁵ Arumugam Raman, *Tun V.T. Sambanthan, Pembela Masyarakat India di Malaysia*.

²⁶ Rajeswary Ampalavanar (1981). *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1954-1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. viii.

dalam MIC serta tindakan-tindakan yang diambil oleh Sambanthan. Penulisan Rajeswary lebih terarah kepada kepimpinan Sambanthan dalam menghadapi penentangan daripada ahli-ahli MIC sendiri yang berpendapat bahawa beliau terlalu berkompromi dengan Parti Perikatan sehingga membelakangkan tuntutan masyarakat India.²⁷ Buku ini membantu penulis memperoleh maklumat mengenai penglibatan Sambanthan dalam politik dan kepimpinannya ketika menjadi Presiden MIC.

Selain itu, Michael Stenson dalam bukunya '*Class, Race and Colonialism in West Malaysia, The India Case*' menyentuh perkembangan politik masyarakat India sebelum dan selepas kemerdekaan. Stenson membincangkan sepintas lalu mengenai pemikiran dan perjuangan Sambanthan dari aspek politik. Dalam penulisan ini, beliau menerangkan kegiatan ekonomi masyarakat India, peranan Sambanthan dalam membuka keahlian MIC kepada buruh-buruh estet dan penglibatan dalam Perikatan. Di samping itu, penulis telah mendedahkan kerjasama Sambanthan dengan pemimpin Melayu dan kritikan yang diterima daripada masyarakat India. Pemikiran beliau dari aspek politik dinyatakan seperti berikut;

*“The politics of patronage, facilitated by his Tamil style and his rapid rise to political power rather than the politics of ardent cultural nationalism. He possessed a free hand in his negotiations with the alliance. This was his main asset in the eyes of UMNO leadership and his main weakness in the eyes of the Indian populations”.*²⁸

Sementara itu, penulisan Paul D. Wiebe dan S. Mariappen yang bertajuk '*Indian Malaysian, The View From The Plantation*' menerangkan corak kehidupan orang-orang

²⁷ Sambanthan dikritik oleh puak-puak dalam MIC kerana mengorbankan kedudukan Parti dalam Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid. Beliau dituduh gagal menegaskan jus soli dan multi-bahasa dalam pendidikan dan gagal mendesak pindaan fasal hak istimewa orang Melayu. *Ibid*, hlm. 172.

²⁸ Michael Stenson. (1980). *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The India Case*. Australia: University of Queensland Press, hlm. 177.

India yang tinggal di ladang getah yang dikelilingi persekitaran yang berbeza dari aspek agama, sosial dan kebudayaan.²⁹ Penulisan mereka juga menghidangkan krisis kepimpinan MIC yang berlaku antara Sambanthan dan V. Manickavasagam³⁰ dari tahun 1971-1974. Selain itu, buku '*Indians In Malaya, Some Aspects Of Their Immigration and Settlement 1786-1957*' yang ditulis Kernial Singh Sandhu memperlihatkan sejarah kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu, populasi, pertumbuhan dan ciri-ciri masyarakat India serta penglibatan mereka dalam ekonomi moden Tanah Melayu.³¹ Selain itu, buku ini juga membincangkan masalah pengganguran dan kemiskinan yang menimpa masyarakat India dan langkah-langkah yang diambil oleh Sambanthan untuk mengatasi masalah tersebut.

K. Anbalakan dalam penulisannya yang bertajuk '*Identiti India di Malaysia*' telah mendokumenkan perjuangan kolektif masyarakat India dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Penulis telah membincangkan kemunculan semangat Tamil dalam kalangan orang-orang India yang telah membawa kepada pemilihan Sambanthan sebagai pemimpin MIC. Menurut Anbalakan, pemilihan Sambanthan bukanlah disebabkan popularitinya tetapi disebabkan telah berada di pentas sejarah pada waktu kemuncak semangat Tamil dalam kalangan orang-orang Tamil.³² Jika dibandingkan dengan penulisan Ummadevi, selain kemunculan semangat Tamil, beliau menyatakan Sambanthan dipilih menjadi

²⁹ Paul D. Wiebe and S. Mariappen. (1978). *Indian Malaysians: The View From The Plantation*. New Dehli: Manohar Publications, hlm. 1.

³⁰ V. Manickavasagam merupakan ahli perniagaan dan pemilik tanah. Beliau pernah menjadi Naib Presiden MIC dan Presiden MIC Selangor. Beliau dilantik menjadi pembantu Menteri Tenaga Kerja pada tahun 1957 dan menjadi Menteri Pengangkutan sehingga bulan Oktober 1979. Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1954-1957*, hlm. 216.

³¹ Kernial Singh Sandhu. (1969). *Indians in Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement (1986-1957)*. Great Britain: Cambridge University Press.

³² K. Anbalakan. (2008). *Identiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hlm. 132.

Presiden MIC disebabkan popularitinya kerana sebelum menjadi pemimpin beliau telah banyak melakukan kerja-kerja sosial untuk membantu masyarakat India. Selain itu, buku ini juga memaparkan keadaan sosioekonomi orang India dan tentangan yang diterima oleh Sambanthan daripada pemimpin MIC yang lain. Penulisan K.Anbalakan menunjukkan perjuangan yang dilakukan oleh masyarakat India demi mempertahankan kepentingan politik, ekonomi dan sosial mereka.

Kajian ilmiah yang dihasilkan oleh Sinnathamby Muthusally yang bertajuk '*Malaysian Indian Congress (MIC) dalam pembangunan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia selepas kemerdekaan*' pula mengetengahkan masalah-masalah yang dihadapi dari pelbagai aspek politik dan sosio-ekonomi masyarakat India di Malaysia secara keseluruhan.³³ Skop kajian ini menerangkan kepimpinan Sambanthan dalam MIC dan pertelingahan yang berlaku dengan K.L Devasar berkaitan ketiadaan wakil MIC dalam Rombongan Kemerdekaan.³⁴ Penulisan ini juga membincangkan pendidikan masyarakat India sebelum dan selepas kemerdekaan. Dalam isu ekonomi, penulis hanya membincangkan sepintas lalu peranan Sambanthan dalam kemajuan ekonomi masyarakat India. Tuntasnya, kajian ilmiah yang dihasilkan Sinnathamby memberi fokus kepada politik, ekonomi dan sosial masyarakat India selepas kemerdekaan.

Penulisan ilmiah ini akan menjadi kajian terawal yang menggunakan pendekatan perbandingan dalam kajian autobiografi yang membandingkan dua orang tokoh dari

³³ Sinnathamby A/L Muthusally. (2000). Peranan Parti Politik: Malaysian Indian Congress (MIC) Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Kaum India Di Malaysia Selepas Kemerdekaan. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. v.

³⁴ K.L Devasar dilahirkan di Punjab, India pada tahun 1912. Beliau Berkelulusan dari Kolej Raffles, Singapura dan Lincoln's Inn, England. Beliau merupakan seorang peguam dan menjadi Presiden MIC dari tahun 1951-1955 dan Ahli Majlis Persekutuan 1955-1957. Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1954-1957*, hlm. 214.

negara yang berlainan iaitu Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan. Setelah membuat sorotan kajian tentang kedua-dua tokoh ini, terbukti tidak ada penulisan sejarah perbandingan antara mereka dilakukan. Sehubungan itu, penulisan ini akan memaparkan perbandingan pemikiran, perjuangan dan sumbangan Gandhi dan Sambanthan. Penulisan ini akan membuka ruang yang lebih luas kepada pengkaji-pengkaji yang berminat untuk mendalami cara penulis sejarah perbandingan autobiografi. Selanjutnya, asas pemilihan Gandhi dan Sambanthan dalam penulisan ini ialah kedua-dua mereka mempunyai kaitan antara satu sama lain iaitu sewaktu Gerakan *Quit India* dilancarkan bagi mengusir British dari negara India, Sambanthan turut terlibat dalam gerakan tersebut. Ideologi perjuangan tanpa keganasan Gandhi telah mempengaruhi pemikiran dan perjuangan Sambanthan ketika memperjuangkan hak masyarakat India dan kemerdekaan Tanah Melayu. Penulisan tentang mereka boleh dikatakan unik kerana membandingkan pemikiran, perjuangan dan sumbangan dua orang tokoh dari dua buah negara yang berbeza.

1.7 Pembahagian Bab

Bab pertama merupakan pendahuluan kepada tesis ini yang membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, skop kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, sorotan kajian dan pembahagian bab. Melalui penerangan yang diberikan satu gambaran penulisan akademik dapat diperjelaskan dengan mudah.

Bab kedua pula menyentuh latar belakang Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan yang meliputi kelahiran, pendidikan, perkahwinan, kerjaya dan kegiatan awal sebelum terlibat dalam politik. Lantaran itu, penulisan tesis ini dapat menjelaskan riwayat hidup kedua-dua mereka.

Bab ketiga membicarakan pemikiran Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan. Tajuk-tajuk kecil yang cuba dihuraikan untuk melakukan perbandingan ialah dari aspek

politik, ekonomi, agama dan pendidikan. Bab ini penting kerana dapat memahami corak pemikiran kedua-dua mereka.

Seterusnya bab keempat pula merangkumi perjuangan mereka dari aspek nasionalisme, perjuangan melalui parti politik dan perjuangan kemerdekaan. Dalam bab ini penulis telah membandingkan persamaan dan perbezaan perjuangan di antara mereka.

Sementara itu, bab kelima meninjau sumbangan Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan kepada negara dan masyarakat. Penulis telah mengupas bab ini dari aspek sumbangan mereka kepada masyarakat luar bandar, pembangunan wanita dan aktiviti penulisan dan penerbitan akhbar dan majalah.

Akhir sekali, bab keenam adalah bab penutup bagi penulisan tesis ini. Bab ini menjelaskan kembali segala perkara dan isu-isu yang diutarakan dalam semua bab-bab di atas. Penulis telah membuat kesimpulan mengenai hasil perbincangan sebagai pelengkap penulisan akademik ini.

BAB DUA: LATAR BELAKANG

2.1 Pengenalan

Mahatma Gandhi dan Tun V.T. Sambanthan merupakan dua orang tokoh yang melakar sejarah tersendiri di negara masing-masing. Gandhi dikenali ramai hampir di setiap pelusuk dunia sebagai pejuang kemerdekaan India dan seorang pencinta keamanan. Penjajahan British telah memberi kesan yang mendalam terhadap Gandhi sehingga beliau bangkit menentang empayar British demi membebaskan negara India daripada penjajahan. Pengaruh pendidikan Barat dan kerjayanya sebagai peguam banyak membantunya menyumbang kepada kesejahteraan penduduk India. Penindasan yang dilakukan oleh golongan kulit putih terhadap masyarakat kulit hitam di Afrika Selatan telah memberi kesedaran kepadanya untuk berjuang demi hak masyarakat kulit hitam. Selanjutnya, keadaan politik, ekonomi dan sosial negara India di bawah penjajahan British membuka ruang kepada Gandhi menuntut hak-hak masyarakat India. Sebelum terlibat secara langsung dalam politik, beliau banyak terlibat dalam kegiatan kebajikan penduduk India tanpa mengira kaum dan agama. Beliau juga merupakan insan yang bertindak menyatukanpendudukan penduduk India yang terdiri daripada pelbagai kaum. Gandhi telah mengabdikan hidupnya demi membebaskan India daripada penjajahan British.

Begitu juga Sambanthan, tokoh yang disanjung tinggi oleh masyarakat India Tanah Melayu kerana membela nasib buruh-buruh estet yang terkesan dengan masalah kemiskinan. Ketika melanjutkan pelajaran di India, beliau telah bergiat aktif dalam politik untuk menentang British di bawah kepimpinan Gandhi. Sikapnya yang sederhana, murah hati dan kesanggupannya membantu masyarakat India telah menjadikannya seorang pemimpin India yang popular di Tanah Melayu. Sambanthan seringkali menyeru